

KERATAN: Utusan Borneo
SAB-A0199/12

TARIKH: 8/1/2012
M/S: (B3)

Sekadar memaknai sepotong puisi Iranun



NOTA HUJUNG MINGGU

ABD. NADDIN HJ. SHAIDDIN
abdnaddin@yahoo.com

*paganai pindeleman,
a nidtug aku ian,
ka tai' aku a putau.*

*imantu miagulana'
agu aku ian bu sambuta
ka sundang aku a ranti'...*

terjemahan bebasnya;

*di musim kegelapan dahulu,
ia mencampakkan aku
seperti karat pada besi,
demikianlah diri ini.*

*Sekarang purnama bertamu,
ia mengalu-alukan daku,
seperti sundang sakti,
demikianlah aku bererti.*

MERASA terbuang atau terpinggir dari keluarga atau masyarakat, kerana dianggap 'tai' a putau' (mungkin terjemahan bebasnya besi berkarat yang tidak lagi berguna) seseorang mungkin menganggap dirinya tidak lagi berguna.

Dahulu miskin dan lara, dihumban kerana tak berfaedah. Tidak lagi dihiraukan kerana dianggap sebagai hanya sekadar besi berkarat walaupun sekarang besi berkarat tetap boleh dijual sebagai besi buruk. Tetapi dalam masyarakat Iranun, seperti juga masyarakat lain di alam Melayu, dalam bab merajuk ini, barangkali mereka sukar ditandingi.

Inilah salah satu penyakit yang sukar juga dihilangkan. Tabiat merajuk ini, sebutlah bahawa ia sejenis budaya, budaya merajuk, pada akhirnya menyebabkan sesuatu keinginan atau hasrat terhalang.

Utusan Borneo 8/1/12
[133]

“Membandingkan antara besi berkarat dengan senjata berbisa seperti ‘sundang sakti’ amatlah tidak adil. Tetapi kita dapat menghayati betapa tajamnya kiasan yang digunakan oleh orang-orang tua kita dahulu dalam menggambarkan perasaan mereka.”

*imantu miagulana’
agu aku’ ian bu’ sambuta
ka sundang aku à ranti’*

Tetapi sekarang, setelah hidup disinari cahaya, barulah ia dianggap berguna bak ‘sundang a ranti’. Sundang adalah sejenis senjata masyarakat Iranun seperti keris, tetapi lebih besar dan panjang tetapi tajam, yang digunakan sebagai salah satu alat senjata masyarakat Iranun. Ranti’ atau maranti’ dalam masyarakat Iranun bermaksud amat tajam, panas yang menyengat dan sebagainya.

Bayuk ialah sejenis puisi Iranun yang menggunakan bahasa Iranun klasik. Meskipun bayuk ini menggambarkan rasa merajuk tetapi melaluinya dapat juga kita hayati aspek pemikiran dan budaya masyarakat Iranun itu sendiri.

Membandingkan antara besi berkarat dengan senjata berbisa seperti ‘sundang sakti’ amatlah tidak adil. Tetapi kita dapat menghayati betapa tajamnya kiasan yang digunakan oleh orang-orang tua kita dahulu dalam menggambarkan perasaan mereka.

Selain itu, melalui sepotong bayuk ini kita dapat melihat betapa sebagai sebagai bangsa bermartabat, suku bangsa Iranun mengenal senjata besi kerana masyarakat itu, ketika zaman kegemilangannya pada abad ke-17 dan ke-18, dikenali sebagai masyarakat pandai besi.

Mereka mampu membuat ‘laila’ (meriam) rentaka, membuat senjata daripada besi seperti pisau, kerus, parang pelbagai jenis, sondang, bangkau, kampilan dan berbagai lagi peralatan besi yang lain.

Sekarang tidak ramai lagi yang menyimpan kesan-kesan kegemilangan itu. Orang-orang tua meninggal dan pergi dan pada zaman meleset, zaman malaise itu, Orang-orang terpaksa menjual harta mereka, alat alat kebesaran mereka, hasil kerja tangan mereka dengan harga yang murah untuk dapat bertahan hidup.

Barangkali itulah juga sebabnya masyarakat Iranun kehilangan banyak khazanahnya. Bahkan generasi muda, ada di antaranya, tidak lagi mengenal perjalanan sejarah yang ditempuhi oleh bangsanya.

Mungkin mereka akan merasa hairan jika mengetahui bagaimana unggulnya nenek moyang mereka dahulu, sehinggakan Sultan Mahmud III yang memerintah Kerajaan Riau-Lingga meminta bantuan Raja Tempasuk pada tahun 1787 untuk menghalau Belanda dari Tanjung Pinang.

Banyak pengajaran yang dapat diambil dari puisi bayuk dengan nada merajuk ini. Jangan sekali kali kita meremehkan orang dan menganggapnya ‘tai’ a putau’ (besi berkarat).

Tidak semua orang boleh menjadi sundang sakti tetapi jika tidakpun mampu menjadi sundang sakti, jadilah pisau tetapi pisau yang ada gunanya.